

KPM, SPP berjaya noktah isu kekurangan guru

Bangi. Isu kekurangan guru di negara ini berjaya diatasi menerusi pelbagai mekanisme hasil pelaksanaan reformasi bersama Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP).

Menteri Pendidikan Fadhlina Sidek berkata, pelaksanaan reformasi itu juga bagi memastikan guru yang dihantar ke sekolah terdiri daripada mereka yang berkualiti dan dapat memenuhi keperluan anak didik.

"Isu kekurangan guru ini, alhamdulillah dengan rakan sinergi kami SPP sudah berjaya diatasi dan insya-Allah ditambah baik dari semasa ke semasa," katanya ketika berucap pada Istiadat Konvokesyen Institut Pendidikan Guru (IPG) KPM ke-15 Tahun 2025 di Bangi Avenue Convention Centre (BACC), di sini, semalam.

Majlis Konvokesyen IPG yang berlangsung empat hari itu bermula 30 Jun lalu sehingga hari ini memba-



"Pelaksanaan reformasi itu juga bagi memastikan guru dihantar ke sekolah terdiri daripada mereka yang berkualiti dan dapat memenuhi keperluan anak didik"

Fadhlina

bitkan 5,390 graduan program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) pe-

ngambilan Jun 2021.

Dalam pada itu, Fadhlina berkata, pihaknya sentiasa mengambil kira keperluan semasa bagi mereka yang ingin melanjutkan pengajian ke IPG.

Menurutnya, selain laluan menerusi Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), KPM juga membuka permohonan kepada lepasan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM), Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) dan Tahfiz Ulul Albab (TMUA).

Katanya, peluasan peluang itu bagi memastikan mereka

yang mempunyai potensi dan terbaik dapat melanjutkan pengajian mereka.

"Selepas mereka (gradu-an) mendapat ijazah (sarjana muda), IPG juga menyediakan ruang untuk anak menyambung pendidikan ke peringkat sarjana.

"Insya-Allah pada tahun hadapan, akan menyaksikan kohort pertama yang akan menerima ijazah sarjana mereka," katanya.